

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2022

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1

1103/1

2 jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak.

## BAHAGIAN A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan penjagaan alam sekitar.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang penjagaan alam sekitar.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



## Syor Pendidikan Alam Sekitar di sekolah

● Bincang subjek secara terperinci dengan Kementerian Pendidikan

Oleh Magendren Rajagopal  
magendran@bh.com.my

Putrajaya

**K**ementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sudah menyiapkan kertas cadangan memperkenalkan subjek Pendidikan Alam Sekitar peringkat TADIK, sekolah rendah dan menengah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan

Junaidi Tuan Ku Jaafar, berkata kementerian akan mengadakan perbincangan terperinci dengan Kementerian Pendidikan sebelum memuktamadkan cadangan itu.

"Ia dapat memastikan generasi muda diterapkan tanggungjawab dan kesedaran terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar, tahu cara menjaga atau melindungi alam semula jadi negara."

"Saya akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan menge-



## DENDA RM10 JUTA MENANTI PELAKU JENAYAH ALAM SEKITAR

"Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) mencadangkan mewujudkan denda minimum tidak kurang daripada RM5,000 dan denda maksimum tidak lebih RM10 juta kepada pelaku jenayah pencemaran alam sekitar."

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**1**

Aktiviti kemasyarakatan seperti sukan, gotong-royong dan rumah terbuka perlu dipergiat bagi mengelakkan anak muda daripada terjebak dalam gejala kurang sihat. Penasihat Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan, Datuk Mazlan Aliman menyeru masyarakat agar menghidupkan program berkenaan di kawasan kediaman masing-masing untuk membendung masalah ini daripada terus menjadi lebih serius.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, Bil.10/2020

Selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan aktiviti kemasyarakatan.

**2**

Menurut Ketua Pengarah Veterinar, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor, sektor penternakan merekodkan pengeluaran berjumlah lebih RM20 bilion bagi tahun 2021. Pencapaian ini berkait rapat dengan usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan seperti mengubah persepsi golongan muda terhadap bidang penternakan, mengadakan kursus penternakan dan memberikan pinjaman modal kepada para siswazah yang ingin menceburi bidang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada *Berita Harian*, Januari 2022

Petikan di atas menyatakan bahawa bidang penternakan boleh dimajukan dengan pelbagai usaha.

Bincangkan.

3

Panggilan telefon daripada golongan penipu siber semakin berani menggunakan pelbagai modus operandi untuk memperdayakan masyarakat. Misalnya, mereka berpura-pura menyamar sebagai pihak bank, meminta data peribadi, memaklumkan kononnya anda telah memenangi hadiah pertandingan dan anda mempunyai bayaran tertunggak atau saman.

Sumber: *Sinar Harian*, Februari 2022

Sebagai individu yang prihatin, sekiranya situasi di atas berlaku kepada diri anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan?

4

Mengikut Akta Pendidikan KPM 1996, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) ditubuhkan di semua sekolah kerajaan bertujuan untuk mewujudkan permuafakatan antara ibu bapa dengan guru. Lantaran itu, PIBG perlu mengadakan pelbagai aktiviti demi kecemerlangan murid dalam bidang sahsiah, akademik dan kokurikulum.

Sumber: Mohd Firdaus Ismail  
*Utusan Malaysia Online*, 2021

Tulis teks syarahan tentang peranan PIBG untuk membantu pihak sekolah meningkatkan kecemerlangan sesebuah sekolah selengkapnya.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

